

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEDUA BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

TARIKH : 17 Mac 2009

SOALAN

YB Puan Siti Zailah binti Mohd Yusoff (Rantau Panjang) minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan jumlah NGO-NGO wanita serta peruntukan yang telah disalurkan sepanjang 2008, dan adakah peruntukan tersebut cukup dan berkesan, dan apakah kriteria yang diguna pakai bagi melayakkan sesebuah NGO itu mendapat peruntukan.

JAWAPAN

Sepanjang tahun 2008, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) telah menyalurkan peruntukan sebanyak RM965,525 kepada 48 buah NGO bagi menjalankan program-program berkaitan pembangunan wanita. Seramai 12,655 orang peserta telah mendapat manfaat daripada 120 program yang telah dijalankan oleh 48 buah NGO ini. Peruntukan yang disalurkan ini adalah untuk menampung sebahagian daripada kos pelaksanaan program yang dilaksanakan oleh NGO wanita. Antara program-program pembangunan wanita yang telah dijalankan oleh NGO berkaitan ialah :- i) Program Latihan Peningkatan Kemahiran; ii) Program Peningkatan Kapasiti Wanita; iii) Program Literasi Undang-undang; iv) Program Pengurusan Emosi; dan v) Program Nur Bahagia. Setakat ini, jumlah peruntukan yang disediakan oleh Kementerian untuk disalurkan kepada NGO wanita adalah mencukupi memandangkan konsep bantuan kepada NGO yang digunapakai oleh Kementerian pada masa ini ialah bantuan geran dan bukannya pembiayaan penuh pelaksanaan program. Ini bermakna NGO berkaitan perlu juga menggunakan peruntukan sendiri untuk membiayai sebahagian daripada kos pelaksanaan program yang dilaksanakan dan tidak bergantung sepenuhnya kepada Kementerian untuk menjayakan program-program ini. Matlamat akhir yang dihasratkan oleh Kementerian ini ialah NGO-NGO berkaitan dapat berdikari dalam jangkamasa panjang. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menetapkan kriteria-kriteria asas berikut kepada NGO untuk dipertimbangkan peruntukan geran iaitu:- i) NGO telah ditubuhkan secara rasmi, berdaftar dan diiktiraf oleh Pendaftar Pertubuhan; ii) Matlamat penubuhan NGO tidak berorientasikan keuntungan; dan iii) Program yang dicadangkan selaras dengan bidang-bidang keutamaan yang telah ditetapkan oleh Kementerian dari semasa ke semasa. Bagi membolehkan sesebuah NGO dipertimbangkan bantuan geran, pihak NGO berkaitan perlu mengisi Borang Permohonan dengan lengkap sama ada secara talian (online application) ataupun mengemukakan borang permohonan secara konvensional dan mengemukakan kertas kerja mengikut garis panduan dan format yang telah ditetapkan kepada Jabatan Pembangunan Wanita (JPW).

